

10 APR 1992

10/4/82

## **PM serah penyata faedah ASN**

**KUALA LUMPUR,**  
Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan menyampaikan penyata keuntungan Skim Amanah Saham Nasional (ASN) kepada 26 pelabur dalam satu upacara khas di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya di sini jam 9.30 pagi esok.

Para pelabur berkenaan dipilih mewakili berbagai bidang pekerjaan seperti petani, peneroka, artis dan jurujual.

Bidang profesional pula akan diwakili oleh eksekutif, akauntan, doktor, jurutera dan arkitek.

Jurucakap ASN hari ini memberitahu, seorang pelabur tertua juga dipilih menerima baucar dividen dan bonusnya dari Perdana Menteri merangkap Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera.

Majlis penyampalan itu akan disiarkan secara langsung menerusi Radio dan TV Malaysia (RTM) mulai 9.15 pagi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam serta anggota Jawatankuasa Kabinet Penyelarasan Pelaburan yang terdiri daripada Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid akan hadir di majlis tersebut.